

02/04/1999

## Keputusan kes Anwar 14 April

KUALA LUMPUR, Khamis - Mahkamah Tinggi di sini hari ini meminda tarikh untuk mengumumkan keputusan perbicaraan empat tuduhan rasuah terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada 14 April ini.

Hakim Datuk S Augustine Paul sebelum ini menetapkan 6 April untuk keputusan selepas pembela dan pendakwa enggan menggulung hujah mereka yang ditetapkan pada 23 Mac lalu.

Paul berkata, beliau terpaksa meminda tarikh keputusan itu kerana perlu meneliti penggulangan hujah pembela dan pendakwa yang dibuat secara panjang lebar sejak Selasa lalu.

Menurutnya, beliau memerlukan masa untuk menyiapkan penghakiman dan berpendapat tarikh keputusan yang ditetapkan 6 April ini agak suntuk baginya membuat keputusan.

"Adalah agak mustahil untuk membuat keputusan pada 6 April ini, jadi saya terpaksa tetapkan tarikh lain," katanya pada hari ke-77 perbicaraan yang berakhir hari ini.

Dengan berakhirnya perbicaraan kes itu hari ini, kes rasuah Anwar ini adalah perbicaraan yang paling lama pernah dijalankan oleh mahkamah di negara ini.

"Ini menjadikan perbicaraan kes Anwar yang paling lama pernah dijalankan dalam sejarah perundangan negara," kata Pawancheek Marican, seorang daripada sembilan peguam bela Anwar.

Sebelum ini, kes bekas Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar Hashim, dilaporkan berjalan selama 75 hari.

Pada 23 Mac lalu, Paul menetapkan 6 April ini untuk keputusan selepas pembela enggan membuat penggulangan hujah kerana keputusan mahkamah tidak membenarkan penangguhan perbicaraan pada hari itu sementara menunggu permohonan pembela didengar.

Bagaimanapun, pada 27 Mac lalu Hakim Besar Malaya mengarahkan Paul mendengar permohonan itu dan selepas mendengar hujah pembela serta pendakwa, permohonan itu ditolak.

Sehubungan itu, Paul memerintahkan pembela dan pendakwa menggulung hujah masing-masing bermula pada Selasa lalu.

Pembela memfailkan permohonan pada 15 Mac lalu supaya Paul dilucutkan kelayakannya daripada mendengar perbicaraan kes tuduhan rasuah itu dengan alasan berat sebelah.

Dalam perbicaraan selama 77 hari, pembela memanggil 21 saksi termasuk Anwar sendiri. Isterinya, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail juga dipanggil untuk memberi keterangan bagi pihak pembela.

Pembela sebelum ini memberitahu mahkamah, pihaknya tidak bercadang memanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Kewangan yang juga Menteri Tugas-Tugas Khas, Tun Daim Zainuddin; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, sebagai saksi.

Seramai 23 saksi pendakwa dipanggil memberi keterangan termasuk bekas Pengarah Cawangan Khas, Datuk Mohd Said Awang; timbalannya, Datuk Amir Junus; Deputy Superintendan Abdul Aziz Hussin; Asisten Komisioner Mazlan Mohd Din; Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri, Datuk Alias Ali; Azizan Abu Bakar dan Ummi Hafilda Ali.

Pada 30 Januari lalu, Mahkamah Tinggi memerintahkan Anwar membela diri terhadap empat tuduhan rasuah dan tertuduh memilih untuk memberi

keterangan secara bersumpah pada 8 Februari lalu.

Anwar menghadapi empat tuduhan rasuah mengikut Seksyen 2(1) Ordinan 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara maksimum 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga menghadapi satu lagi tuduhan amalan rasuah dan lima tuduhan liwat yang akan dibicarakan antara Disember tahun lalu hingga Jun tahun ini.

Lima tuduhan liwat itu didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Bagaimanapun, Paul belum menetapkan perbicaraan satu lagi kes amalan rasuah dan kes liwat. Beliau menetapkan supaya empat tuduhan rasuah dibicarakan dulu, bermula 2 November lalu.

(END)